

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89

Jun 1989

FCP 453 Sediaan-Sediaan OTC

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Sebagai seorang ahli farmasi, bincangkan keberkesanan dan keselamatan sediaan-sediaan antipeluh berikut:

Sediaan	Ramuhan	Bentuk Dos
(1)	Aluminum Bromohidrat	serbuk
(2)	Aluminum Klorida	larutan (25% b/v)
(3)	Aluminum Sulfat	krim
(4)	Aluminum Sulfat Tertampan	krim
(5)	Aluminum Klorhidroksida	aerosol
(6)	Kompleks Al-Zirkonium Klorohidrat	aerosol

(15 markah)

- (B) Bincangkan kaedah pensterilan yang digunakan untuk lensa kontak lunak.

(10 markah)

2. Bincangkan gangguan-gangguan okular eksternal dan lakrima mata.

Berikan sediaan-sediaan yang sesuai untuk merawatkan gangguan-gangguan di atas dan perhatian-perhatian yang mesti diambil semasa penggunaan sediaan tersebut.

(25 markah)

. . . 3/-

3. Encik Z, 35 tahun telah menerima preskripsi Actifed^R satu tablet TID daripada sebuah klinik swasta. Semasa temubual di farmasi anda, beliau mengadu selsema dengan masalah hidung berhinggus tetapi menafikan sebarang penyakit yang serius. Beliau meminta anda memenuhi preskripsinya.

(A) Terangkan secara ringkas mengenai fatofisiologi selsema biasa.

(6 markah)

(B) Apakah aktiviti farmakologi yang terdapat di dalam sediaan Actifed^R dan nyatakan masalah-masalah yang berkaitan dengan penggunaannya.

(6 markah)

(C) Terangkan dengan ringkas mengenai rawatan tanpa drug bagi masalah Encik Z.

(5 markah)

(D) Apakah maklumat kaunseling yang harus diberi kepada Encik Z?

(8 markah)

...4/-

4. Tulis nota-nota ringkas mengenai topik-topik berikut:

(A) Amalan swarawatan dengan drug OTC.

(10 markah)

(B) Proses rundingcara dan penilaian pesakit oleh ahli farmasi.

(10 markah)

(C) Panduan umum mengguna drug-drug OTC.

(5 markah)

5. (A) Puan AB mengadu gatal-gatal di bahagian kulit kepala dengan kepingan-kepingan kelabu dan tumpok kemerahan kelihatan di bahagian dahi dan kepala belakang. Beliau ingin tahu sama ada dia mengalami kelelumur, seborheik dermatitis, atau psoriasis. Apakah pendapat anda?

(10 markah)

(B) Terangkan kaedah-kaedah untuk mengurangkan berat badan tanpa drug.

(5 markah)

...5/-

(C) Nyatakan keadaan yang dikontraindikasi untuk melakukan swarawatan dengan antihemoroid OTC dan senaraikan lima (5) bahan aktif farmakologi yang dianggap selamat dan berkesan.

(5 markah)

(D) Encik TA ingin membeli sediaan multivitamin untuk anaknya yang berumur $1\frac{1}{2}$ tahun. Dia minta nasihat anda berkenaan dengan anaknya yang sering kelihatan lebih dan hilang selera makan. Apakah pendapat anda?

(5 markah)